

# 'Import' cicak tokek

## Gecko dikesan diseludup dari negara jiran berikutan dakwaan boleh capai harga RM100,000 seekor

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Mohd Husni Mohd Noor dan Wan Asrudi Wan Hasan
am@hmetro.com.my

PENGKALAN HULU: Dakwaan cicak tokek boleh mengubah nasib seseorang menjadi jutawan menyebabkan terdapat individu menyeludup haiwan itu ke negara ini secara besar-besaran.

Dalam kes terbaru minggu lalu, seorang lelaki tempatan berusia 30-an dikesan cuba menyeludup 10 ekor cicak tokek yang dibawa masuk dari Betong, Thailand, melalui Kompleks Imigresen Bukit Berapit, di sini.

Sumber berkata, suspek yang ditemani seorang kanak-kanak lelaki berusia sekitar sembilan tahun dikesan memandu kereta model lama dalam keadaan mencurigakan sebelum diarahkan berhenti untuk pemeriksaan pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Menurutnya, suspek yang pada awalnya disangka cuba menyeludup beras Siam ke negara ini bagaimanapun didapati cuba menyeludup 10 ekor cicak tokek yang disembunyikan di dalam guni.

"Guni berisi cicak tokek dewasa itu disembunyikan di bawah tempat duduk belakang yang diubah suai.

"Suspek yang disoal siasat mendakwa haiwan itu sudah ditempah dan boleh dijual sekitar RM100,000 seekor di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri, Abdul Kadir Abu Hashim, ketika dihubungi semalam, mengesahkan cicak tokek adalah spesies dilindungi, malah ia baru dimasukkan dalam senarai haiwan dilindungi pada 2010.

Justeru, katanya, individu yang memiliki atau membela spesies berkenaan perlu mendapatkan lesen daripada Perhilitan bagi mengelak berdepan hukuman denda.

"Sekiranya ditahan, individu yang membela atau memiliki spesies itu boleh disiasat mengikut Akta 716, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan boleh didenda sehingga RM50,000.

"Cicak tokek mempunyai 12 spesies berlainan dan ia terpaksa dimasukkan dalam kategori haiwan dilindungi berikutan semakin pupus selain menjadi buruan agresif individu dipercayai teruja dengan mitos haiwan itu mampu menyembuhkan pelbagai penyakit termasuk HIV/Aids, barah dan tenaga batin," katanya.

Katanya, pihaknya turut mengesahkan kegilaan orang awam memburu cicak berkenaan semakin berkurangan berikutan larangan dikeluarkan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke-95 yang bersidang pada Jun tahun lalu yang memutuskan hukum memakan dan berubat dengan menggunakan cicak tokek atau gecko adalah haram.

Timbalan Komander Unit Pencegahan dan Penyeludupan negeri, Ishak Jaafar, ketika dihubungi berkata, pihaknya bersedia bekerjasama dengan pelbagai agensi penguat kuasa lain terutama KDRM, Imigresen dan Perhilitan untuk membanteras kegiatan penyeludupan spesis berkenaan.

"Kami bertindak sebagai 'strike force' dalam sebarang kes penyeludupan sebelum menyerahkan kes berkenaan kepada agensi berkaitan terutama membabitkan penyeludupan beras, kedatangan pendatang asing dan aktiviti penyusupan binatang dilindungi," katanya.



SELUDUP...guni yang mengandungi 10 ekor cicak tokek dirampas.



MAHAL...Hashim memegang cicak tokek yang dipeliharanya.

## 'Minyak hempedu penawar 1001 penyakit'

PENGKALAN HULU: Hanya kerana minyak hempedu cicak tokek yang didakwa mampu menjadi penawar 1001 penyakit, haiwan itu terus menjadi buruan individu tertentu di daerah ini yang mendakwa ia boleh dijual sehingga RM2 juta seekor.

Cicak tokek atau lebih popular dengan panggilan cicak pokek di kalangan masyarakat setempat didakwa mempunyai nilai harga lebih mahal sekiranya berat haiwan reptilia itu melebihi sekilogram.

Seorang penduduk dan penjual cicak tokek berkata, kepercayaan segelintir masyarakat kononnya hempedu cicak aneh itu boleh mengubati kanser dan Aids menyebabkan ia terus mendapat permintaan dan diseludup ke negara ini melalui sempadan Thailand.

Peniaga haiwan yang hanya mahu dikenali sebagai Hashim berkata, cicak pokek dalam pelbagai variasi warna itu biasanya ditangkap di hutan Laos atau Thailand sebelum diseludup ke Malaysia.

Menurutnya, cicak berkenaan mampu membesar sehingga seberat lebih satu kilogram, malah dia pernah menjualnya dengan harga ratusan ribu ringgit seekor sebelum ini.

"Buat masa ini, saya ada membela empat ekor cicak berkenaan sejak tahun lalu dan menunggu masa untuk diserahkan kepada pembeli.

"Biasanya cicak ini membesar mengikut kawasan mereka berasal dan makanan yang dimakan. Saya mendapatkan bekalan cicak berkenaan daripada seorang kenalan yang menangkapnya di sempadan Laos," katanya ketika ditemui wartawan di sini, semalam.

Menurutnya, cicak tokek mampu membesar bagaikan seekor biawak jika kena pada caranya.

Hashim berkata, dia biasanya akan memberi haiwan berkenaan memakan ulat, serangga atau cengkerik termasuk cicak yang lebih kecil.

Dia turut menolak dakwaan cicak berkenaan membahayakan nyawa manusia selain mengeluarkan bisa yang boleh menyebabkan penyakit.

"Sudah lebih 10 ekor cicak tokek menggigit saya ketika diberi makan, tetapi binatang berkenaan langsung tidak mengeluarkan bisa. Saya akui cicak ini mempunyai keunikan tersendiri dan sentiasa mempunyai pembeli," katanya.

## Dakwaan berkhasiat diragui



MAKIN PUPUS ...Gecko reptilia dilindungi.

IPOH: Cicak tokek atau nama saintifiknya 'Gekko Gecko' adalah sejenis cicak gergasi yang sengaja kisahnya diperbesar-besarkan kononnya mempunyai nilai harga mencecah jutaan ringgit bergantung pada berat dan panjang haiwan ini.

Difahamkan, pihak pembeli haiwan ini pernah meletakkan tawaran sehingga RM4 juta bagi cicak tokek yang mempunyai berat sekitar 400 gram dan RM40 juta bagi cicak ini yang mempunyai berat melebihi 800 gram.

Berikutan tawaran gila itu, masyarakat di Asia Tenggara terutama Filipina dan Indonesia berlumba-lumba memburu haiwan ini mengakibatkan ia semakin pupus.

Cicak ini yang didakwa boleh menjangkau berat hingga satu kilogram menjadi buruan sejak lebih tiga tahun lalu selepas organnya didakwa mengandung zat aktif bersifat theurapetik.

Zat itu didakwa mempunyai kemampuan menyembuhkan penyakit kanser, melawan virus HIV dan Aids serta mengubati wabak selesema Influenza A (H1N1) yang didakwa masih belum mempunyai ubat khusus sehingga kini.

Bagaimanapun, dakwaan itu diragui berikutan belum ada lagi pengesahan perubatan secara saintifik dari mana-mana badan perubatan antarabangsa sehingga kini.

Cicak ini yang mendiami hutan hujan tropika hidup pada pokok tinggi, hutan dan rumah papan kampung turut menjadi makanan segelintir penggemar masakan eksotik.

### Fakta

**Nama saintifik**
Gekko Gecko

**Kumpulan reptilia**
Gekkonidae

**Ciri-ciri cicak**
Gecko Tokay adalah spesies Gecko kedua terbesar. Boleh membesar sehingga 11-20 inci (28-51cm) bagi jantan dan 7-19 inci (18-48cm) bagi betina dengan berat hanya 150-400g.

**Mitos kepercayaan**
Didakwa mempunyai kemampuan menyembuhkan penyakit kanser, melawan virus HIV dan Aids serta mengubati wabak selesema Influenza A (H1N1).